

١٥ - بَابُ تَفَاضُلِ أَهْلِ الْإِيمَانِ فِي الْأَعْمَالِ

15- Bab - Perbezaan (Lebih Atau Kurangnya) Ahlil Iman Itu (Terletak) Pada Amalan-Amalannya.¹⁷⁴

tidak suka untuk kembali kepada agama asal mereka sahaja. Sedangkan mengikut para pensyarah *Sahih Bukhari*, maksud 'kembali kepada kekufuran' itu turut merangkumi orang-orang yang berketurunan Islam semenjak asal lagi. Sabda Rasulullah s.a.w. itu boleh juga ditujukan kepada mereka dengan erti 'mereka tidak suka menjadi kafir'. Ini kerana menurut Bahasa Arab perkataan *Ya'udu* (يعود) yang lebih popular dengan erti kembali itu ada juga dipakai dengan ma'na *Yashiru* (يصير) yang bererti menjadi. Selain dari itu, jika orang-orang yang baru memeluk agama Islam pun begitu tidak suka kembali kepada agama asalnya, orang-orang yang sudah turun-temurun beragama Islam sepatutnya lebih-lebih lagilah tidak suka menjadi kafir. Mereka sepatutnya telah merasai kemanisan iman melebihi saudara baharu mereka. Sebab-sebab yang mendorong mereka bertukar agama juga tentunya kurang berbanding orang-orang yang baru memeluk Islam. Mungkin kerana itulah Nabi s.a.w. hanya menyebut orang-orang yang meninggalkan agama asal mereka lalu memeluk agama Islam.

¹⁷⁴ Terjemahan yang diberikan di atas adalah berdasarkan perkataan في yang tersebut sebelum perkataan الأعمال di akhir tajuk bab dianggap sebagai ظرفية. Inilah yang dipilih oleh Hafiz Ibnu Hajar. Sementara al-'Aini, al-Qasthallaani dan Shah Waliyyullah ad-Dihliwi pula memakainya dengan ma'na باء سببية. Jika في di situ dipakai dengan ma'na باء سببية yang mengandungi ma'na sebab, disebabkan oleh atau kerana dan sebagainya, maka terjemahannya akan jadi begini: "Bab - Perbezaan (Lebih Atau Kurangnya) Ahlil Iman Itu adalah disebabkan oleh Amalan-Amalannya". Penggunaan perkataan في dengan ma'na باء سببية memang lumrah dalam bahasa 'Arab. Penggunaannya juga terdapat di dalam hadits yang turut dikemukakan Bukhari di dalam Sahihnya ini, di mana Nabi s.a.w. menceritakan tentang seorang perempuan dari kalangan Bani Isra'il yang diseksa kerana kucingnya. Baginda bersabda: عَذِّبَتْ امْرَأَةً فِي هِرَّةٍ سَجَنَتْهَا حَتَّى مَاتَتْ فَدَخَلَتْ فِيهَا النَّارُ لَا هِيَ تَرْكَبُهَا وَلَا هِيَ تَرْكَبُهَا تَأْكُلُ مِنْ خَشَاشِ الْأَرْضِ Bermaksud: "Seorang perempuan diseksa di dalam Neraka kerana seekor kucing yang dikurungnya hingga mati. Maka masuklah dia ke dalam neraka kerananya. Ketika mengurung kucing itu dia tidak memberi makan dan minum kepadanya. Tidak juga dia membebaskannya supaya ia dapat mencari makan sendiri daripada binatang-binatang yang melata di bumi." Di dalam hadits ini dua kali في dipakai dengan ma'na باء سببية. Melalui tajuknya ini juga Imam Bukhari masih menghalakan serangannya ke arah aqidah golongan Murji'ah yang menganggap amalan tidak memberikan apa-apa manafaat mahupun mudharat sekiranya seseorang itu sudah beriman, malah dia bebas melakukan apa sahaja yang dikehendakinya lantaran kedudukannya sudah terjamin dan dia pasti akan memasuki syurga dengan semata-mata imannnya itu. Fahaman sebegini tiada bezanya dengan fahaman golongan Yahudi yang menganggap bangsa mereka tidak akan mendapat seksaan Allah, walaupun tih melanggar perintah-perintah Allah, semata-mata kerana mereka sudah beriman dan mendabik dada dengan kelebihan bangsanya itu menerusi kata-kata mereka seperti digambarkan oleh Allah di dalam al-Qur'an. Kata mereka:

نَحْنُ أَبْنَاءُ اللَّهِ وَأَحِبَّاؤُهُ

Bermaksud: "Kami adalah anak-anak Allah dan kekasih-kekasih-Nya". (Surah Maidah:18)

Pegangan golongan Murji'ah itu terbukti menyimpang berdasarkan hadits 22 yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah bab ini. Ia menceritakan apa yang akan berlaku di Akhirat kelak apabila Allah s.w.t. akhirnya memerintahkan agar orang-orang yang mempunyai amalan kebaikan walaupun hanya seberat biji sawi dikeluarkan dari neraka. Hadits itu juga membuktikan faktor yang menyebabkan mereka dihumban ke dalam neraka ialah kerana jumlah amalan kejahatan mereka mengatasi amalan kebaikan mereka. Demikian juga dengan gambaran tentang perbezaan keadaan dan situasi kesukaran yang akan dialami manusia di Mahsyar nanti, apabila ada di kalangan mereka akan berdiri di dalam lautan peluh yang dalamnya hanya sampai ke paras buku lalinya. Sementara sebahagian yang lain berendam di dalam peluh yang dalamnya sampai ke paras pinggang, malah ada yang tercungap-cungap kerana peluh mencecah hidungnya. Sebaliknya bagi mereka yang mendapat syurga pula darjat-darjat syurga juga digambarkan tidak sama apabila syurga-syurga itu sendiri terbahagi kepada beberapa tingkatan dan nama seperti Firdaus, Na'im dan lain-lain. Ada yang masuk syurga lebih awal, ada yang sebaliknya. Ini semua menunjukkan perbezaan layanan yang diterima manusia di akhirat kelak, sama ada dalam bentuk ni'mat atau seksa, adalah berdasarkan perbezaan amalan mereka. Dengan hadits ini juga Imam Bukhari menolak da'waan golongan Khawarij dan sebahagian golongan Mu'tazilah bahawa orang-orang yang melakukan dosa-dosa besar akan kekal berada di dalam neraka. Kerana menurut hadits ini, orang yang hanya memiliki seberat biji sawi sekalipun, tetap akan dikeluarkan dari neraka. Begitu juga dengan keadaan penghuninya yang dibakar sehingga hitam legam kulitnya itu. Semua ini menunjukkan kesalahan atau dosa yang dilakukannya bukan kecil. Ia tentunya dosa besar.

Satu lagi kemusykilan yang timbul berhubung dengan tajuk ini ialah di dalam tajuk, Bukhari mengatakan perbezaan dalam lebih atau kurang antara Ahlul Iman adalah disebabkan amalan mereka. Sedangkan teks hadits yang dikemukakannya menyatakan dengan jelas bahawa ia disebabkan perbezaan Iman. Kemusykilan dan teka-teki ini akan terjawab apabila anda meletakkan dua perkara berikut di hadapan anda: (1) Maksud sebenar teks hadits 'seberat biji sawi iman' itu ialah seberat biji sawi amalan. Dengan berbuat begini Imam Bukhari cuba menarik perhatian pembaca kepada perkataan iman yang digunakan oleh al-Qur'an sendiri dengan ma'na amalan. Maka iman juga seringkali dipakai dengan ma'na amalan. Lihat misalnya firman Allah di bawah ini:

وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُضِيعَ إِيمَانَكُمْ

Bermaksud: ...dan Allah tidak akan menyia-nyiakan iman kamu... (al-Baqarah:143).

Hampir-hampir kesemua ahli tafsir mengatakan iman yang tersebut di dalam ayat ini adalah dengan ma'na amal iaitu sembahyang kamu. Inilah asas pendapat Bukhari yang mengatakan iman dan amalan adalah dua perkara yang tidak boleh dipisahkan sehingga tidak salah jika kita menggunakan perkataan iman untuk amalan dan begitu juga sebaliknya. (2) Iman di sini juga diriwayatkan sebagai amalan melalui satu saluran riwayat yang lain iaitu riwayat Wuhaib yang di kemukakan secara ta'liq kemudian. Lafaznya ialah: *حَرَّثَ مِنْ خَيْرٍ* (seberat biji sawi kebaikan). Kebaikan yang dimaksudkan di sini adalah dalam bentuk amalan, bukannya iman semata-mata. **Satu lagi persoalan timbul, iaitu** kenapakah Imam Bukhari lebih mengutamakan riwayat Imam Malik sebagai riwayat asasnya (أصالة), beliau mengemukakannya dengan sanad yang lengkap secara Musnad. Riwayat Wuhaib pula di bawakan sebagai sokongan (متابعة) sahaja. Sedangkan

riwayat Wuhaib ternyata lebih kukuh kerana tidak mengandungi sebarang syak dan ia lebih menepati tajuk bab yang dibuat beliau, malah riwayat Wuhaib juga ternyata mempunyai rantaian sanad yang kukuh. Riwayat Wuhaib juga dikemukakan oleh beliau (Imam Bukhari) sendiri dengan sanad yang lengkap di bawah Kitab ar-Riqaaq di dalam kitab *Sahih* beliau ini? Ada beberapa jawapannya: (1) Tujuannya ialah untuk menunjukkan bahawa riwayat Imam Malik yang menyatakan 'seberat zarrah iman' tersebut harus dipakai dengan ma'na riwayat lain yang bertindak sebagai syarah atau pentafsir kepadanya. Riwayat yang mentafsir dan mensyarah maksudnya ialah riwayat Wuhaib yang ternyata tidak kurang kukuhnya dari sudut sandarannya. Ia menyatakan 'seberat biji sawi amalan'. (2) Walaupun riwayat Malik yang dipilih mengandungi syak, Imam Bukhari berpendapat riwayat-riwayat hadith itu saling mentafsirkan satu sama lain. (3) Riwayat Abu Sa'id al-Khudri yang dikemukakan oleh Ibnu Abi Syaibah melalui saluran Wuhaib di dalam Mushannafnya jelas menyebutkan 'seberat biji sawi amalan' (من خردل من خير). (4) Riwayat Abu Sa'id al-Khudri yang lebih panjang dan lengkap terdapat di dalam kitab *Sahih* Bukhari, Muslim dan lain-lain juga menyebutkan dengan jelas bahawa perbezaan di antara orang-orang yang beriman tersebut adalah disebabkan perbezaan kebaikan dan amalan mereka. Riwayat ini dikemukakan oleh Imam Bukhari di dalam *Kitabut Tauhid* dan Imam Muslim di dalam *Kitabul Iman* secara terperinci. Berikut diperturunkan riwayat berkenaan bersama-sama terjemahannya:

و حَدَّثَنِي سُوَيْدُ بْنُ سَعِيدٍ قَالَ حَدَّثَنِي حَفْصُ بْنُ مَيْسَرَةَ عَنْ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ عَنْ عَطَاءِ بْنِ يَسَارٍ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ أَنَّ نَاسًا فِي زَمَنِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ هَلْ تَرَى رَبَّنَا يَوْمَ الْقِيَامَةِ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَعَمْ قَالَ هَلْ تُضَارُّونَ فِي رُؤْيَةِ الشَّمْسِ بِالظُّهَيْرَةِ صَحْوًا لَيْسَ مَعَهَا سَحَابٌ وَهَلْ تُضَارُّونَ فِي رُؤْيَةِ الْقَمَرِ لَيْلَةً لَيْسَ فِيهَا سَحَابٌ قَالُوا لَا يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ مَا تُضَارُّونَ فِي رُؤْيَةِ اللَّهِ تَبَارَكَ وَتَعَالَى يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِلَّا كَمَا تُضَارُّونَ فِي رُؤْيَةِ أَحَدِهِمَا إِذَا كَانَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَتَى مُؤَدَّنٌ لِيَتَّبِعَ كُلَّ أُمَّةٍ مَا كَانَتْ تَعْبُدُ فَلَا يَبْقَى أَحَدٌ كَانَ يَعْبُدُ غَيْرَ اللَّهِ سُبْحَانَهُ مِنَ الْأَصْنَامِ وَالْأَنْصَابِ إِلَّا يَتَسَاقَطُونَ فِي النَّارِ حَتَّى إِذَا لَمْ يَبْقَ إِلَّا مَنْ كَانَ يَتَعْبُدُ اللَّهَ مِنْ بَرٍّ وَفَاجِرٍ وَغَيْرِ أَهْلِ الْكِتَابِ فَيُدْعَى الْيَهُودُ فَيَقَالُ لَهُمْ مَا كُنْتُمْ تَعْبُدُونَ قَالُوا كُنَّا نَعْبُدُ عَزْرِيَّ ابْنَ اللَّهِ فَيَقَالُ كَذِبْتُمْ مَا اتَّخَذَ اللَّهُ مِنْ صَاحِبَةٍ وَلَا وَلَدٍ فَمَاذَا تَبْعُونَ قَالُوا عَطِشْنَا يَا رَبَّنَا فَاسْقِنَا فَيُسَارُّونَ إِلَيْهِمْ أَلَّا تَرُدُّونَ فَيُخْشَرُونَ إِلَى النَّارِ كَأَنَّهُمَا سَرَابٌ يَحْطِمُ بَعْضُهَا بَعْضًا فَيَتَسَاقَطُونَ فِي النَّارِ ثُمَّ يُدْعَى النَّصَارَى فَيَقَالُ لَهُمْ مَا كُنْتُمْ تَعْبُدُونَ قَالُوا كُنَّا نَعْبُدُ الْمَسِيحَ ابْنَ اللَّهِ فَيَقَالُ لَهُمْ كَذِبْتُمْ مَا اتَّخَذَ اللَّهُ مِنْ صَاحِبَةٍ وَلَا وَلَدٍ فَيَقَالُ لَهُمْ مَاذَا تَبْعُونَ فَيَقُولُونَ عَطِشْنَا يَا رَبَّنَا فَاسْقِنَا قَالَ فَيُسَارُّونَ إِلَيْهِمْ أَلَّا تَرُدُّونَ فَيُخْشَرُونَ إِلَى جَهَنَّمَ كَأَنَّهُمَا سَرَابٌ يَحْطِمُ بَعْضُهَا بَعْضًا فَيَتَسَاقَطُونَ فِي النَّارِ حَتَّى إِذَا لَمْ يَبْقَ إِلَّا مَنْ كَانَ يَتَعْبُدُ اللَّهَ تَعَالَى مِنْ بَرٍّ وَفَاجِرٍ أَتَاهُمْ رَبُّ الْعَالَمِينَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى فِي أَدْنَى صُورَةٍ مِنَ الَّتِي رَأَوْهُ فِيهَا قَالَ فَمَا تَتَنَظَّرُونَ تَتَّبِعُ كُلَّ أُمَّةٍ مَا كَانَتْ تَعْبُدُ قَالُوا يَا رَبَّنَا فَارْقِنَا النَّاسَ فِي الدُّنْيَا أَفْقَرُ مَا كُنَّا إِلَيْهِمْ وَلَمْ نَصَاحِبْهُمْ فَيَقُولُ أَنَا رَبُّكُمْ فَيَقُولُونَ نَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْكَ لَا نُشْرِكَ بِاللَّهِ شَيْئًا مَرَّتَيْنِ أَوْ ثَلَاثًا حَتَّى إِنَّ بَعْضَهُمْ لَيَكَادُ أَنْ يَنْقَلِبَ فَيَقُولَ هَلْ يَبْنِيكُمْ وَبَيْنَهُ آيَةٌ فَتَعْرِفُونَهُ بِهَا فَيَقُولُونَ نَعَمْ فَيَكْتَفِفُ عَنْ سَاقٍ فَلَا يَبْقَى مَنْ كَانَ يَسْجُدُ لِلَّهِ مِنْ تِلْقَاءِ نَفْسِهِ إِلَّا أَذِنَ اللَّهُ لَهُ بِالسُّجُودِ وَلَا يَبْقَى مَنْ كَانَ يَسْجُدُ أَتْقَاءَ وَرِيَاءٍ إِلَّا جَعَلَ اللَّهُ ظَهْرَهُ طَبَقَةً وَاحِدَةً كُلَّمَا أَرَادَ أَنْ يَسْجُدَ خَرَّ عَلَى قَفَاهُ ثُمَّ يَرْفَعُونَ رُءُوسَهُمْ وَقَدْ تَحَوَّلَ فِي صُورَتِهِ الَّتِي رَأَوْهُ فِيهَا أَوَّلَ مَرَّةٍ فَقَالَ أَنَا رَبُّكُمْ فَيَقُولُونَ أَنْتَ رَبَّنَا ثُمَّ يُضْرَبُ الْجِسْرُ عَلَى جَهَنَّمَ وَتَحِلُّ الشَّفَاعَةُ وَيَقُولُونَ اللَّهُمَّ سَلِّمْ سَلِّمْ قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا الْجِسْرُ قَالَ دَخَصُ مَزَلَةٍ فِيهِ خَطَاطِيفٌ وَكَلَالِيْبٌ وَحَسَنٌ تَكُونُ بَنَاجٍ فِيهَا شَوْيْكَةٌ يَقَالُ لَهَا السَّعْدَانُ فَيَمُرُّ الْمُؤْمِنُونَ كَطَرْفِ الْعَيْنِ وَكَالْبَرْقِ وَكَالْطَيْرِ وَكَالْجَاوِيدِ الْخَيْلِ وَالرَّكَابِ فَنَاجٍ مُسَلَّمٌ وَمَخْدُوشٌ مُرْسَلٌ وَمَكْدُوسٌ فِي نَارِ جَهَنَّمَ حَتَّى إِذَا خَلَصَ الْمُؤْمِنُونَ مِنَ النَّارِ قَوْلَ الَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ مَا مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ بِأَشَدَّ مَنَاشَدَةً لِلَّهِ فِي اسْتِقْصَاءِ الْحَقِّ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ لِلَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ لِإِخْوَانِهِمُ الَّذِينَ فِي النَّارِ يَقُولُونَ رَبَّنَا كَانُوا يَصُومُونَ مَعَنَا وَيُصَلُّونَ وَيُخْرِجُونَ فَيَقَالُ لَهُمْ أَخْرِجُوا مَنْ عَرَفْتُمْ فَتُخْرَجُ صُورُهُمْ عَلَى النَّارِ فَيُخْرِجُونَ خَلْقًا كَثِيرًا قَدْ أَخَذَتْ النَّارُ إِلَى نِصْفِ سَاقِيهِ وَإِلَى رُكْبَتَيْهِ ثُمَّ يَقُولُونَ رَبَّنَا مَا بَقِيَ فِيهَا أَحَدٌ مِمَّنْ أَمَرْنَا بِهِ فَيَقُولُ ارْجِعُوا فَمَنْ وَجَدْتُمْ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالَ دِينَارٍ مِنْ خَيْرٍ فَأَخْرِجُوهُ فَيُخْرِجُونَ خَلْقًا كَثِيرًا ثُمَّ يَقُولُونَ رَبَّنَا لَمْ نَذَرْ فِيهَا أَحَدًا مِمَّنْ أَمَرْنَا ثُمَّ يَقُولُ ارْجِعُوا فَمَنْ وَجَدْتُمْ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالَ دِرْهَمٍ مِنْ خَيْرٍ فَأَخْرِجُوهُ فَيُخْرِجُونَ خَلْقًا كَثِيرًا ثُمَّ يَقُولُونَ رَبَّنَا لَمْ نَذَرْ فِيهَا خَيْرًا وَكَانَ أَبُو سَعِيدٍ الْخُدْرِيُّ يَقُولُ إِنَّ لَمْ تُصَدِّقُونِي بِهَذَا الْحَدِيثِ فَأَفْرَعُوا إِنَّ شَيْئًا { إِنَّ اللَّهَ لَا يَظْلِمُ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ وَإِنْ تَكُ حَسَنَةً يُضَاعِفْهَا وَيُؤْتِ مِنْ لَدُنْهُ أَجْرًا عَظِيمًا } فَيَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ شَفَعْتُ

الْمَلَائِكَةُ وَشَفَعَ النَّبِيُّونَ وَشَفَعَ الْمُؤْمِنُونَ وَلَمْ يَبْقَ إِلَّا أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ فَيَقْبِضُ قَبْضَةً مِنَ النَّارِ فَيُخْرِجُ مِنْهَا قَوْمًا لَمْ يَعْمَلُوا خَيْرًا قَطُّ قَدْ عَادُوا حُمَاً فَيُلْقِيهِمْ فِي نَهَرٍ فِي أَفْوَادِ الْجَنَّةِ يُقَالُ لَهُ نَهَرُ الْحَيَاةِ فَيُخْرِجُونَ كَمَا تَخْرُجُ الْحَيَّةُ فِي حِمْلِ السَّيْلِ أَلَا تَرَوْنَهَا تَكُونُ إِلَى الْخَجَرِ أَوْ إِلَى الشَّجَرِ مَا يَكُونُ إِلَى الشَّمْسِ أَصْفَرُ وَأَخْضَرُ وَمَا يَكُونُ مِنْهَا إِلَى الظِّلِّ يَكُونُ أَيْضًا فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ كَأَنَّا كُنَّا تَرْغَى بِالْبَابِئِيَةِ قَالَ فَيُخْرِجُونَ كَاللُّؤْلُؤِ فِي رِقَابِهِمْ الْخَوَاتِمُ يَعْرِفُهُمْ أَهْلُ الْجَنَّةِ هَؤُلَاءِ عِتْقَاءُ اللَّهِ الَّذِينَ أَدْخَلَهُمُ اللَّهُ الْجَنَّةَ بِغَيْرِ عَمَلٍ عَمِلُوهُ وَلَا خَيْرٍ قَدَّمُوهُ ثُمَّ يَقُولُ ادْخُلُوا الْجَنَّةَ فَمَا رَأَيْتُمُوهُ فَهُوَ لَكُمْ فَيَقُولُونَ رَبَّنَا أَعْطَيْتَنَا مَا لَمْ تُعْطِ أَحَدًا مِنَ الْعَالَمِينَ فَيَقُولُ لَكُمْ عِنْدِي أَفْضَلُ مِنْ هَذَا فَيَقُولُونَ يَا رَبَّنَا أَيُّ شَيْءٍ أَفْضَلُ مِنْ هَذَا فَيَقُولُ رِضَايَ فَلَا أَسْخَطُ عَلَيْكُمْ بَعْدَهُ أَبَدًا قَالَ مُسْلِمٌ قَرَأْتُ عَلَى عِيسَى بْنِ حَمَادٍ رُغْبَةَ الْمِصْرِيِّ هَذَا الْحَدِيثُ فِي الشَّفَاعَةِ وَقُلْتُ لَهُ أَحَدْتُ بِهِذَا الْحَدِيثَ عَنْكَ أَنْتَ سَمِعْتَ مِنَ اللَّيْثِ بْنِ سَعْدٍ فَقَالَ نَعَمْ قُلْتُ لِعِيسَى بْنِ حَمَادٍ أَخْبَرَكَمُ اللَّيْثُ بْنُ سَعْدٍ عَنْ خَالِدِ بْنِ يَزِيدَ عَنْ سَعِيدِ بْنِ أَبِي هِلَالٍ عَنْ زَيْدِ بْنِ أَسْلَمَ عَنْ عَطَاءِ بْنِ يَسَارٍ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ أَنَّهُ قَالَ قُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنْتَ رَأَيْتَ رَبَّنَا قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَلْ تُضَارُونَ فِي رُؤْيَاةِ الشَّمْسِ إِذَا كَانَ يَوْمٌ صَحْوٌ قُلْنَا لَا وَسُقَّتِ الْحَدِيثَ حَتَّى انْقَضَى آخِرُهُ وَهُوَ نَحْوُ حَدِيثِ حَفْصِ بْنِ مَيْسَرَةَ وَزَادَ بَعْدَ قَوْلِهِ بِغَيْرِ عَمَلٍ عَمِلُوهُ وَلَا قَدَّمَ قَدَّمُوهُ فَيَقَالُ لَهُمْ لَكُمْ مَا رَأَيْتُمْ وَمِثْلُهُ مَعَهُ قَالَ أَبُو سَعِيدٍ بَلَّغْنِي أَنَّ الْجِسْرَ أَنْقُ مِنَ الشَّعْرَةِ وَأَخَذَ مِنَ السَّيْفِ وَلَيْسَ فِي حَدِيثِ اللَّيْثِ فَيَقُولُونَ رَبَّنَا أَعْطَيْتَنَا مَا لَمْ تُعْطِ أَحَدًا مِنَ الْعَالَمِينَ وَمَا بَعْدَهُ فَأَقَرَّ بِهِ عِيسَى بْنُ حَمَادٍ وَحَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ حَدَّثَنَا جَعْفَرُ بْنُ عَوْنٍ حَدَّثَنَا هِشَامُ بْنُ سَعْدٍ حَدَّثَنَا زَيْدُ بْنُ أَسْلَمَ بِإِسْنَادِهِمَا نَحْوُ حَدِيثِ حَفْصِ بْنِ مَيْسَرَةَ إِلَى آخِرِهِ وَقَدْ زَادَ وَنَقَصَ شَيْئًا

Bermaksud: Dan Suwa'id bin Sa'id meriwayatkan kepadaku, dia berkata, Hafsh bin Maisarah meriwayatkan kepadaku daripada Zaid bin Aslam daripada 'Atha' bin Yasar daripada Abu Sa'id al-Khudri bahawa sekelompok manusia di zaman Rasulullah s.a.w. bertanya, "Wahai Rasulullah! Apakah kami akan dapat melihat Rab kami pada Hari Kiamat nanti?" Beliau s.a.w. menjawab, "Apakah kamu berdesak-desakan dalam melihat matahari di siang hari yang terang tanpa awan?" Mereka menjawab, "Tidak wahai Rasulullah." Beliau pun berkata, "Apakah kamu berdesak-desakan dalam melihat bulan di malam purnama yang tidak ada awannya?" Mereka menjawab, "Tidak." Lalu beliau bersabda: 'Tidaklah kamu berdesak-desakan dalam melihat Rab kamu, melainkan sebagaimana kamu tidak berdesak-desakan dalam melihat salah satu dari keduanya. Pada hari kiamat, seorang penyeru akan menyerukan, "Hendaklah setiap umat mengikuti sesuatu yang dahulu mereka sembah", hingga tidaklah ada seorang pun yang menyembah selain Allah berupa berhala dan patung melainkan mereka akan terjerumus ke dalam neraka, hingga tidak ada yang tersisa seorang pun kecuali orang yang menyembah Allah; sama ada dia orang baik atau jahat, dan sisa Ahli Kitab. Lalu orang Yahudi dipanggil dan ditanyakan kepada mereka, "Apa yang dahulu kamu sembah?" Mereka menjawab, "Kami dahulu menyembah 'Uzair, putera Allah." Maka dikatakan, "Kamu telah berdusta, Allah tidak mengambil isteri dan anak. Lalu apa yang kamu inginkan?" Mereka menjawab, "Kami haus wahai Rab kami, berilah kami minum." Lalu mereka diberi isyarat pada sesuatu yang membuat mereka hilang dahaganya, mereka kemudian digiring hingga ke neraka, seakan-akan fatamorgana, sebahagian mereka memukul sebahagian yang lain, lalu mereka terjerumus ke dalam neraka." Kemudian kaum Nashrani dipanggil, lalu mereka ditanya, "Apa yang dahulu kamu sembah?" Mereka menjawab, "Kami dahulu menyembah al-Masih, putera Allah." Lalu dikatakan kepada mereka, "Kamu telah berbohong. Allah tidak mengambil isteri dan anak." Maka dikatakan kepada mereka, "Apa yang kamu inginkan?" Mereka menjawab, "Kami haus wahai Rab kami, berilah kami minum." Beliau bersabda: "Lalu diisyaratkan kepada mereka. "Tidakkah kamu minum." Dan mereka dikumpulkan di neraka Jahannam, seakan-akan neraka tersebut fatamorgana yang mana sebahagian mereka memukul sebahagian yang lain, lalu jatuh ke dalam neraka, hingga tidak tersisa melainkan orang yang menyembah Allah dari kalangan orang baik dan orang fajir. Allah lalu mendatangi mereka dalam rupa paling paling dekat dengan rupa yang pernah mereka fikirkan. Allah berfirman; "Apa yang kamu tunggu, padahal setiap umat mengikuti apa yang

mereka sembah?." Mereka berkata; "Wahai Rab kami, kami memisahkan diri dari manusia di dunia ketika kami dalam keadaan paling memerlukan kepada mereka, akan tetapi kami tidak bersama dengan mereka." Maka Allah berfirman; "Aku adalah Rab kamu." Maka mereka berkata; "Aku berlindung kepada Allah dariMu, kami tidak akan menyekutukan Allah dengan sesuatupun." Mereka berkata begitu dua kali atau tiga kali, sehingga sebahagian mereka hampir-hampir berbalik, maka Allah bertanya; "Apakah kamu mempunyai tanda yang dapat kamu kenal Dia dengannya?" Mereka menjawab; "Ya". Maka di singkaplah betis-Nya, sehingga tidak tersisa orang yang sebelumnya bersujud kepada Allah dari dalam dirinya (ikhlas) kecuali Allah izinkan baginya untuk bersujud. Dan tidak tersisa orang yang sebelumnya bersujud karena ego dan riya' kecuali Allah jadikan punggungnya keras seperti sekeping papan, setiap kali hendak bersujud dia terlentang. Kemudian mereka mengangkat kepala mereka dan Allah telah berubah kepada rupa yang mereka yakini buat pertama kalinya (semasa di dunia). Allah berfirman; "Aku adalah Rab kamu." Maka mereka berkata; "Engkau Rab kami." Kemudian di bentangkan jembatan di atas Jahannam, dan berlakulah syafa'at pada sa'at itu, mereka mengucapkan; "Ya Allah, selamatkanlah. selamatkanlah." Ada yang bertanya; "Wahai Rasulallah, apakah jembatan itu?" Beliau menjawab; "Tempat yang licin dan dapat menggelincirkan, disana terdapat besi-besi pencakar, besi-besi pengait dan duri seperti yang terdapat pada pohon-pohon berduri di Najd. Maka orang-orang mu'min akan melewatinya dalam sekelip mata, seperti kilat, seperti angin, seperti burung, seperti kuda-kuda yang berlari kencang dan kendaraan (lain yang laju). Maka orang muslim akan ada yang selamat, ada yang tercabik-cabik tertunda dan ada yang terlempar ke dalam neraka jahannam. Sehingga ketika orang-orang mu'min terbebas dari neraka, maka demi Zat yang jiwaku berada ditangan-Nya, tidak ada seorang pun daripada kamu yang begitu gigih memohon kepada Allah dalam menuntut haqnya melainkan pada hari kiamat kelak ia akan bersungguh-sungguh meminta kepada Allah untuk (melepaskan) saudara-saudaranya yang berada di dalam neraka. Mereka berseru; "Wahai Rab kami, mereka selalu berpuasa bersama kami, bershalat bersama kami, dan berhaji bersama kami." Maka dikatakan kepada mereka; "Keluarkanlah orang-orang yang kamu kenal." Rupa-rupa mereka hitam kelam karena terpanggang api neraka. Mereka mengeluarkan begitu ramai orang yang telah di makan neraka sampai kepada pertengahan betisnya dan sampai kedua lututnya. Kemudian mereka berkata; "Wahai Rab kami tidak tersisa lagi seorang pun yang telah engkau perintahkan kepada kami." Kemudian Allah berfirman; "kembalilah kamu, maka barangsiapa yang kamu temukan didalam hatinya kebaikan seberat dinar, maka keluarkanlah dia." Mereka pun mengeluarkan sejumlah org yang begitu ramai, kemudian mereka berkata; "Wahai Rab kami, kami tidak meninggalkan di dalamnya seorangpun yang telah Engkau perintahkan kepada kami." Kemudian Allah berfirman; "kembalilah kamu, maka barangsiapa yang kamu temukan didalam hatinya kebaikan seberat setengah dinar, maka keluarkanlah dia." Maka mereka pun mengeluarkan sejumlah org yang begitu ramai. Kemudian mereka berkata lagi; "Wahai Rab kami, kami tidak menyisakan di dalamnya seorang pun yang telah Engkau perintahkan kepada kami." Kemudian Allah berfirman; "Kembalilah kamu, maka siapa saja yang kamu temukan di dalam hatinya kebaikan seberat biji jagung, keluarkanlah." Maka merekapun kembali mengeluarkan sejumlah org yang begitu ramai. Kemudian mereka berkata; "Wahai Rab kami, kami tidak menyisakan di dalamnya kebaikan sama sekali." Abu Sa'id al Khudri berkata, "Jika kamu tidak mempercayai hadits ini silalah kamu baca ayat (bermaksud): (Sesungguhnya Allah tidak menganiaya seseorang walaupun seberat

zarrah, dan jika ada kebajikan seberat zarrah pun, niscaya Allah akan melipat gandakannya dan memberikan dari sisi-Nya pahala yang besar.) (an-Nisa: 40). Allah lantas berfirman: "Para Malaikat, Nabi dan orang-orang yang beriman telah memberi syafa'at, sekarang yang belum memberikan syafa'at adalah Zat Yang Maha Pengasih." Kemudian Allah menggenggam satu genggam dari dalam neraka, dari dalam tersebut Allah mengeluarkan suatu kaum yang sama sekali tidak melakukan kebaikan, dan mereka tll bertukar menjadi seperti arang hitam. Allah kemudian melemparkan mereka ke dalam sungai di depan syurga yang disebut dengan sungai kehidupan. Mereka kemudian keluar dari dalam sungai macam biji yang tumbuh di tapian sungai, tidakkah kamu lihat ia tumbuh (merambat) di bebatuan atau pepohonan mengejar (sinar) matahari. Yg terkena sinar matahari berwarna kekuningan dan kehijauan, sementara yang berada di bawah bayangan (tidak kena sinar matahari) berwarna putih." Para sahabat kemudian berkata, "Wahai Rasulullah, engkau seperti pernah menggembala di daerah orang-orang badui?". Beliau melanjutkan: "Mereka kemudian keluar seperti mutiara, sementara di tangkuk-tengkuk mereka ada tanda-tanda yang dapat diketahui oleh penduduk syurga. Mereka adalah orang-orang yang Allah merdekakan dan Allah masukkan ke dalam syurga tanpa sebarang amalan dan kebaikan sama sekali. Allah kemudian berkata: "Masuklah kamu ke dalam syurga. Apa yang kamu lihat, maka itu akan kamu miliki." Mereka pun menjawab, "Wahai Rab kami, sungguh Engkau telah memberikan kepada kami sesuatu yang belum pernah Engkau berikan kepada seorang pun dari pendudukalam raya ini." Allah kemudian berkata: "(Bahkan) apa yang telah Kami siapkan untuk kamu lebih baik dari ini semua." Mereka kembali berkata, "Wahai Rab, apa yang lebih baik dari ini semua". Allah menjawab: "RidhaKu, selamanya Aku tidak akan murka kepadamu." Muslim berkata, "Aku membacakan hadits ini di hadapan `Isa bin Hammad Zughbah al Mishri berkenaan dengan syafa'at. Aku katakan kepadanya, "Aku sampaikan hadits ini darimu, bahawa engkau pernah mendengar daripada Laits bin Sa'ad daripada Khalid bin Yazid daripada Sa'id bin Abi Hilal daripada Zaid bin Aslam daripada `Atha bin Yasaar daripada Abi Sa'id al-Khudri bahawasanya beliau berkata, "Wahai Rasulullah, apakah kami akan melihat Rab kami?" Rasulullah s.a.w. bertanya kembali: "Apakah kamu terganggu dalam melihat matahari di hari yang cerah?" Kami menjawab; "Tidak." Kemudian aku melanjutkan hadits tersebut hingga selesai. Dan hadits tersebut sama`na dengan hadits Hafsh bin Maisarah. Beliau menambahkan setelah perkataannya, "tanpa sebarang amalan dan kebaikan sama sekali", kemudian dikatakan kepada mereka, "Bagimu apa yang kamu lihat dan seperti itu bersamanya." Abu Sa'id berkata, "Aku mendapat tahu bahawa jembatan itu lebih kecil dari rambut dan lebih tajam dari pedang." Di dalam hadits Laits tidak ada redaksi: "Mereka berkata, "Wahai Rab kami, engkau telah memberikan kepada kami sesuatu yang tidak diberikan kepada seorang pun di alam raya ini", dan kalimat setelahnya. `Isa bin Hammad menyetujuinya. Abu bakar bin Abu Syaibah juga meriwayatkan kepada kami, katanya: Ja'far bin Aun meriwayatkan kepada kami, katanya: Hisyam bin Sa'ad meriwayatkan kepada kami, katanya: Zaid bin Aslam meriwayatkan kepada kami sama dengan isnad keduanya seperti ma'na hadits Hafsh bin Maisarah, sampai kepada kalimat yang terakhir, dan di sana terdapat (sedikit sebanyak) penambahan dan pengurangan." (Hadits riwayat Muslim).

٢٢- حَدَّثَنَا إِسْمَاعِيلُ قَالَ حَدَّثَنِي مَالِكٌ عَنْ عَمْرِو بْنِ يَحْيَى الْمَازِنِيِّ عَنْ أَبِيهِ عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ يَدْخُلُ أَهْلُ الْجَنَّةِ الْجَنَّةَ وَأَهْلُ النَّارِ النَّارَ ثُمَّ يَقُولُ اللَّهُ تَعَالَى أَخْرِجُوا مَنْ كَانَ فِي قَلْبِهِ مِثْقَالُ حَبَّةٍ مِنْ خَرْدَلٍ مِنْ إِيْمَانٍ فَيُخْرَجُونَ مِنْهَا قَدْ اسْوَدُّوا فَيُلْقَوْنَ فِي نَهْرِ الْحَيَاةِ - شَكَ مَالِكٌ - فَيَبْتُتُونَ كَمَا تَنْبُتُ الْحَبَّةُ فِي جَانِبِ السَّبِيلِ أَلَمْ تَرَ أَنَّهَا تَخْرُجُ صَفْرَاءَ مُلْتَوِيَةً. قَالَ وَهَيْبٌ حَدَّثَنَا عَمْرُو الْحَيَاةِ وَقَالَ خَرْدَلٍ مِنْ خَيْرٍ.

22- Ismail meriwayatkan kepada kami, katanya: Malik meriwayatkan kepadaku daripada `Amar bin Yahya al-Maazini daripada ayahnya daripada Abi Sa'id al-Khudri r.a. daripada Nabi s.a.w. Baginda bersabda: “(Setelah sekian ramai) Ahli syurga masuk syurga dan ahli neraka masuk neraka, berfirmanlah Allah: “Keluarkan dari neraka siapa yang di dalam hatinya ada iman seberat biji sawi”.¹⁷⁵ Maka mereka keluar dari neraka

¹⁷⁴ Apa yang semestinya diimani dan dipercayai (مؤمن به) seseorang mu'min itu sama saja. Tidak kira dia seorang nabi, malaikat, jin atau manusia biasa. Contohnya kewajipan mempercayai rasul, hari kemudian dan sebagainya, mesti diimani dan dipercayai mereka dengan tidak ada lebih atau kurang mana-mana bahagiannya. Jadi yang berbeza pada orang-orang yang beriman itu adalah sudut amalan mereka. Sabda Nabi s.a.w. مِثْقَالُ حَبَّةٍ مِنْ خَرْدَلٍ مِنْ إِيْمَانٍ (ada iman seberat satu biji sawi) itu bukanlah bermaksud apa yang semestinya diimani dan dipercayai (مؤمن به) mereka, tetapi amalan merekalah yang dimaksudkan. Kemusykilan tetap akan timbul, sama ada perkataan 'iman' di dalam hadits itu dipakai dengan ma'na apa yang harus diimani atau dengan ma'na amalan. Kerana kedua-duanya merupakan perkara yang abstrak. Bagaimanapun Imam Bukhari cenderung memakai perkataan iman yang tersebut di dalam hadits itu dengan ma'na amalan. Itulah yang nyata daripada tajuk bab yang dibuat beliau untuk hadits 22 di atas. Setelah kita menerima perkataan iman yang tersebut di dalam hadits itu dengan ma'na amalan, seperti yang difahami Bukhari, maka apakah yang ditimbang daripada amalan itu? Amalan itu sendirilah yang ditimbang atau buku catatan amalannya atau tuan punya amalan yang ditimbang? Tidak sukar menerima buku catatan amalan atau tuan punya amalan amalan yang ditimbang, kerana kedua-duanya adalah jirim. Akan tetapi ada pihak yang mempersoalkan amalan sendiri yang ditimbang di akhirat kelak. Kerana amalan itu bukan jirim, sebaliknya ia hanya a'raadh atau sifat semata-mata. Berhubung dengan masalah ini para 'ulama' berbeda pendapat tentangnya. Pandangan mereka antara lainnya adalah seperti berikut:

(1) Ibnu `Abbaas dan Imam Bukhari berpendapat bahawa yang ditimbang adalah amalan. Menurut Hafiz Ibnu Hajar, inilah pendapat yang masyhur dan dinukilkan daripada tokoh-tokoh Ahlu as-Sunnah Wa al-Jama'ah. Antara dalil yang menjadi sandaran mereka ialah firman Allah di dalam al-Quran:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٢٥١﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴿٢٥٢﴾

Bermaksud: Sesiapa yang mengerjakan kebaikan seberat dzarrah pun, niscaya dia akan melihat (balasan)nya. (7) Dan sesiapa yang mengerjakan kejahatan sebesar dzarrah pun, niscaya dia akan melihat (balasan)nya (juga). (8) (az-Zilzaal:7-8).

Berbanding dengan pendapat kedua dan ketiga seterusnya, pendapat ini agak kontroversi di zaman pemerintahan 'Abbasiyah dan pemerintahan-pemerintahan yang datang selepasnya, ketika mana falsafah Yunan mendominasi Ilmu Kalam dalam masyarakat Islam. Persoalan yang ditimbulkan oleh golongan Mu'tazilah pada ketika itu ialah bagaimana amalan yang merupakan sesuatu yang abstrak dan tidak berjirim (konkrit) itu akan ditimbang? Kerana ia tidak mempunyai nilai berat untuk ditimbang. Bagaimanapun kemusykilan itu hanya laku dan menggugat pemikiran orang-orang yang hidup di zaman alat-alat penimbang terhad kepada bahan pepejal atau sukatan cecair sahaja. Di zaman moden ini pelbagai alatan untuk menimbang, mengukur, menyukat telah dicipta, sehingga bukan bahan pepejal dan cecair sahaja yang boleh disukat, malah haba, bunyi, cahaya, getaran, kelajuan, kepekatan, kesakitan dan sebagainya jugaboleh dikesan melalui alat-alat canggih tertentu. Amalan baik dan buruk boleh ditimbang merupakan isu kontroversi di kalangan ahli-ahli falsafah pada ketika itu kerana menurut mereka amalan manusia itu tidak lebih dari a'raadh atau sifat yang baru dapat dikesan apabila ia berpaut pada sesuatu jirim atau jisim. Ia bagi mereka tidak mungkin ditimbang. Sebagai contohnya, berat seorang yang gemuk itu boleh ditimbang, tetapi kegemukan atau sifat gemuknya sendiri tidak ada alat yang dapat menimbangnyanya. Menurut mereka, jangka hayat 'aradh atau sifat tidak dapat bertahan lebih lama daripada jisim atau jirim yang ditumpangnyanya. Tetapi teori mereka itu terbukti meleset. Kemajuan sains dan teknologi hari ini membuktikan sebaliknya. 'Aradh atau sifat bagi sesuatu jisim ternyata selalunya dapat bertahan lebih lama berbanding jisimnya. Sebagai contoh, suara yang dirakam oleh alat perakam masih boleh didengari walaupun orang yang dirakam suaranya itu sudah lama meninggal dunia. Berpanduan logik bahawa 'aradh atau sifat tidak boleh ditimbang itulah golongan Mu'tazilah menolak hadits-hadits seperti hadits bab ini yang menunjukkan amalan boleh ditimbang dan sememangnya ditimbang, sehingga seberat biji sawi atau seberat zarrah dan yang lebih ringan daripadanya sekalipun.

(2) Ibnu Umar berpendapat yang ditimbang bukannya amalan sebaliknya buku catatan amalan. Antara 'ulama' yang menyokong pendapat ini ialah al-Qurthubi, Fakhruddin ar-Razi dan ramai lagi di kalangan ahli tafsir yang lain. Pendapat ini turut diperkuat dengan hadits-hadits yang menjelaskan bahawa yang ditimbang di akhirat kelak adalah buku catitan amalan. Contohnya di dalam Sunan at-Tirmizi dan Musnad Imam Ahmad yang mengemukakan satu riwayat daripada 'Abdullah bin 'Amar bin al-'Ash, bahawa ada seorang yang buku catatan amalannya dikemukakan dan terdapat 99 buah buku kesemuanya – setiap buku saiznya/ panjangnya sejauh mata memandang – kemudian orang itu ditanya “Adakah malaikatKu telah melakukan apa-apa kezaliman terhadapmu?” Dia akan menjawab, “Tidak”. Lalu ditanya lagi “Adakah kamu ada apa-apa bantahan terhadap catitan ini?” Orang itu menjawab “Tiada”. Dalam kesemua 99 buku tersebut tiada yang tercatat melainkan amalan buruk belaka. Tiba-tiba datang kepadanya sekeping kad (kerananya hadits ini dikenali sebagai hadits Bithaqah) yang tertulis di dalamnya kalimah syahadah orang berkenaan. Pada mulanya dia merasakan tiada apa-apa yang boleh ditebus dengan sekeping kad itu, memandangkan 99 buku amalan kejahatannya yang panjangnya sejauh mata memandang tadi. Walau bagaimanapun, setelah diletakkan di atas daun neraca timbangan, kad kecil itu didapati jauh lebih berat daripada kesemua buku amalannya yang diletakkan di atas daun

dalam keadaan telah menjadi hitam legam. Lalu mereka dicampakkan ke dalam sungai malu atau kehidupan¹⁷⁶ - Malik ragu -. Terus saja mereka tumbuh seperti tumbuhnya biji

yang satu lagi. Lalu akhirnya dia diampunkan dan dimasukkan ke dalam syurga. Berdasarkan hadits ini jelaslah bahawa yang ditimbang adalah buku catatan amalan manusia.

(3) Yang ditimbang ialah tubuh tuan punya amalan, tetapi alat penimbangnya tidak menimbang berat badan atau pun saiz badannya. Sebaliknya yang memberi kesan kepada berat atau ringannya adalah amalan tuannya. Antara dalil yang menyokong pendapat golongan ke tiga ini ialah sebuah hadits riwayat Abu Hurairah yang tersebut di dalam Sahih bukhari dan Muslim, iaitu; إِنَّهُ لَيَأْتِي الرَّجُلَ الْعَظِيمُ السَّمِينُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ لَا يَزِنُ عِنْدَ اللَّهِ جَنَاحُ بُعُوضَةٍ. Bermaksud: “Akan datang pada Hari Kiamat kelak seorang yang besar dan gemuk badannya, tetapi berat badannya di sisi Allah tidak ada walaupun hanya seberat sebelah sayap nyamuk.” Satu lagi dalil yang dijadikan pegangan oleh golongan ketiga, juga berupa sabda Nabi s.a.w. Ia tentang ‘Abdullah bin Mas’ud yang (labu) betisnya lebih kecil berbanding orang-orang lain. Lihat haditsnya di bawah ini:

عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ أَنَّهُ كَانَ يَجْنِي سِوَاكَ مِنَ الْأَرَاكِ وَكَانَ ذَقِيقَ السَّاقَيْنِ فَجَعَلَتِ الرِّيحُ تَكْفُؤُهُ فَصَنَجَكَ الْقَوْمُ مِنْهُ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِمَّنْ تَضْحَكُونَ قَالُوا يَا نَبِيَّ اللَّهِ مِنْ دَقِيقَةِ سَاقَيْهِ فَقَالَ وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَهُمَا أَثَقُلَ فِي الْمِيزَانِ مِنْ أَحَدٍ

Bermaksud: Diriwayatkan daripada Ibni Mas’ud, bahawa pernah beliau memetik berus gigi daripada pokok arak (nama pokok). Betis beliau kecil. Tiba-tiba angin menyingkap kedua kakinya, lalu orang-orang mentertawakannya. Rasulullah s.a.w. bertanya: “Kenapa kamu ketawa?” Mereka menjawab: “Wahai Nabiyyallah, kami mentertawakan betisnya yang kecil.” Maka Baginda s.a.w. bersabda: “Demi Zat yang nyawaku berada di tanganNya, sesungguhnya kedua betisnya lebih berat dalam timbangan (di akhirat nanti) daripada bukit Uhud.” (Hadits riwayat Ahmad, Ibnu Hibbaan, at-Thabaraani, al-Bazzaar dan lain-lain).

Ketiga-tiga pendapat di atas disokong oleh dalil-dalil masing-masing sama ada daripada al-Quran mahupun hadits. Jadi, kesemua pandangan itu boleh diterima. Tidak ada pertentangan di antara satu sama lain sebenarnya, malah kesemuanya boleh digabungkan. Menurut Ibnu Katsir, mungkin sesetengah individu ditimbang amalannya, sesetengah yang lain pula mungkin ditimbang buku catatan amalannya. Manakala ada pula yang lain ditimbang tubuh badannya sendiri. Mungkin antara hikmahnya bagi sesetengah orang yang terlalu mementingkan penampilan badannya, maka badannyalah yang akan ditimbang di Hari Akhirat sebagai menunjukkan bahawa apa yang dianggap besar itu tiada nilainya di sisi Allah s.w.t. Ini kerana di Padang Mahsyar kelak, setiap orang akan mengalami keadaan dan layanan yang berbeza-beza sesuai dengan keadaannya semasa di dunia dahulu.

¹⁷⁶ Ada yang dikeluarkan daripada neraka dalam keadaan hitam legam kerana terlalu lama dibakar di dalam Neraka. Kemudian mereka dicampakkan ke dalam sebatang sungai digelar Sungai Hujan (di musin hujan) atau Sungai Malu atau Sungai kehidupan. Perbezaan erti ini disebabkan syak atau keraguan Imam Malik terhadap sebutan perkataan haya atau hayaa’ atau hayaah. Biar apa pun, syak Imam Malik tersebut telah dihilangkan oleh Imam Bukhari apabila beliau mengemukakan riwayat anak murid ‘Amar (guru Imam Malik) yang lain sebagai mutaba’ah. Nama murid ‘Amar itu ialah Wuhaib. Wuhaib dengan sebutan yang pasti telah menukulkan daripada ‘Amar perkataan hayaah (kehidupan). Daripada syak Imam Malik di sini dapat diketahui sekurang-kurangnya tiga perkara berikut: (1) Keadaan ini menunjukkan setinggi mana sekalipun darjat seseorang imam itu, ada kalanya dia juga mengalami syak atau tidak pasti dalam